



FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN (FPK): SEJARAH DAN MATLAMAT

Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd. Zahid Wan Mohd. Noordin

Pendahuluan

Pendidikan adalah satu proses pemindahan atau pemerolehan ilmu, nilai, budaya, dan kemahiran-kemahiran daripada satu generasi ke generasi seterusnya dalam konteks masyarakat. Ia adalah proses pengembangan potensi-potensi insan se optimum yang mungkin dalam konteks individu. Pemindahan atau pemerolehan ini dilaksanakan melalui penggunaan teknik seperti pengajarnya, latihan, pembelajaran, praktis, bimbingan, disiplin dll. Justeru, ia adalah sesuatu yang sangat penting demi kelangsungan sesuatu peradaban. Ianya bukan suatu yang statik tetapi berubah mengikut perkembangan zaman. Pendidikan melibatkan insan sebagai penerima atau pembina ilmu (nilai dan kemahiran); ilmu itu sendiri dan guru yang mewakili metode bagi menyampaikan ilmu kepada insan tersebut, dan juga sebagai model atau teladan khususnya bagi pemupukan nilai-nilai murni. Dalam satu konteks kita dapati bahawa pendidikan berkait rapat dengan falsafah yang mengandungi empat inti iaitu metafizik, epistemology, aksiologi dan logik. Kesemua ini terdapat dalam pendidikan sebab insan mempunyai kewujudan dan kebenaran yang hakiki, epistemologi berkait dengan teori ilmu, aksiologi berkait dengan teori nilai dan logik berkait dengan metodologi guru atau pendidik. Malahan ahli falsafah seperti Dewey pernah menyatakan bahawa Falsafah adalah teori umum tentang pendidikan.

Setiap bidang (disiplin) ilmu mempunyai falsafahnya sendiri lantas terdapat falsafah pendidikan, falsafah sains, falsafah agama dan sebagainya. Dalam konteks ini falsafah bidang tersebut berusaha untuk memahami bidang tersebut secara keseluruhan, menafsirkannya melalui konsep-konsep yang umum yang boleh membimbingnya dalam memilih matlamat akhir dan dasar-dasar bidang itu. Sepertimana falsafah secara umum menyelaraskan penemuan-penemuan pelbagai bidang ilmu, falsafah pendidikan menafsir penemuan-penemuan ini berdasarkan kesannya terhadap pendidikan. Falsafah pendidikan menjelaskan matlamat akhir pendidikan, nilai-nilai yang didokong dan jalan-jalan untuk mencapai matlamat tersebut, dalam usaha untuk mengatur, menyelaras dan menggerakkan proses pendidikan. Ia melibatkan aplikasi falsafah formal kepada bidang pendidikan. Lebih nyata lagi ia melibatkan kritikan, penjelasan dan analisis tentang bahasa, konsep dan logik berkenaan matlamat akhir dan kaedah pendidikan. Fungsi sesuatu falsafah pendidikan adalah untuk

- Memahami pendidikan dalam konteks yang betul
- Menganalisa konsep dan istilah pendidikan
- Mengkritik andaian-andaian dan fakta pendidikan

- Membimbing asas-asas pendidikan dalam memilih, menyusun dan membuat keputusan
- Menilai perubahan dalam dasar
- Membimbing sikap guru
- Menimbulkan dialog dan persoalan
- Menjelaskan kecelaruan atau konflik dalam pendidikan
- Mencadangkan idea-idea baru.

Sumber-sumber sesuatu falsafah pendidikan adalah daripada inspirasi (ilham), pemikiran rasional, bukti empirikal, pihak berautoriti, kajian tentang insan spt psikologi dan pendidikan, kajian tentang pengajaran dan pembelajaran, pengalaman, nilai dan tradisi masyarakat.

Matlamat pendidikan berbeza-beza di antara ahli falsafah dan juga dalam pelbagai peradaban. Misalnya bagi Plato matlamat pendidikan adalah untuk melahirkan insan yang adil, bagi Rousseau insan yang asli, bagi Dewey insan yang pragmatis dan bagi al-Ghazali insan yang baik, bagi peradaban barat rakyat yang demokratis, bagi peradaban Islam pula insan yang baik selaku abd dan khalifah Allah di muka bumi.

Falsafah pendidikan itu menentukan corak kurikulum yang merupakan mekanisme untuk mencapai matlamat yang digariskan. Daripada penjelasan di atas kita harap kepentingan falsafah pendidikan dan hubungannya dengan kurikulum atau program pendidikan dapat difahami.

Dalam konteks Malaysia, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK, semakan 1996) telah digubal pada tahun 1988 sebagai Falsafah Pendidikan Negara bagi memberi hala tuju pendidikan yang sepatutnya berterusan, menyeluruh dan bersepadu, sekaligus seimbang dan harmonis berdasarkan kepercayaan teguh kepada Tuhan bagi melahirkan insan yang mempunyai kesejahteraan diri, lantak berilmu, berakhlak mulia dan bertanggungjawab untuk menyumbang kepada keluarga, masyarakat, negara dan dunia. Bagi pendidikan asas – iaitu rendah dan menengah, FPK memang telah cuba diterjemahkan melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah mulai tahun 1989. Penyuratan FPK adalah suatu yang penting sebab sebelum ini matlamat pendidikan negara hanya diperolehi daripada buku-buku Rancangan Malaysia setiap lima tahun di dalam Bab Pendidikan dan Latihan. Penyuratan ini juga penting sebab jarang sekali terdapat negara dalam dunia yang menyuratkan falsafah pendidikannya. Dengan penyuratannya yang kemudian dipaparkan di setiap sekolah, ini bermakna FPK seharusnya dapat membantu dalam menentukan hala tuju pendidikan di Malaysia. Bagaimana pun FPK hanya kelihatan seperti terbatas di sekolah atau institusi pendidikan asas dan tidak nyata di Institusi Pengajian Tinggi walaupun ia membawa istilah kebangsaan. Jika begini halnya, maka ia bukanlah memandu halatuju pendidikan tinggi. Kertas ini berusaha menyelami sejarah FPK dan juga menjelaskan peranannya di peringkat pendidikan asas dan pendidikan tinggi.

Latarbelakang Sejarah Pendidikan Negara

Falsafah Pendidikan Negara yang kemudiannya dinamakan sebagai Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) telah dirumuskan pada tahun 1987 dan diisytiharkan pada tahun 1988 apabila Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah dilaksanakan. Falsafah ini lahir sesuai dengan evolusi perkembangan pendidikan di Malaysia, bermula dengan Laporan Barnes tentang Pendidikan Melayu (1951), Laporan Fenn-Wu tentang Pendidikan Cina Malaya (1951) Ordinan Pelajaran 1952, Penyata Razak (1956), Ordinan Pelajaran (1957), Penyata Rahman Talib (1960), Akta Pelajaran 1961 dan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1974.

Penyata Razak (1956) memperakui bahawa matlamatnya adalah untuk ‘membina sebuah negara yang bersatu melalui kurikulum yang sama dan berorientasikan negara ini, dengan Bahasa Melayu dijadikan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa pengantar utama di sekolah’ (dalam KPM 1992: 1). Penyata Razak menyatakan:

Kami percaya juga yang **tujuan dasar pelajaran** di dalam negeri ini ialah bermaksud **hendak menyatukan budak-budak daripada semua bangsa** di dalam negeri ini dengan **memakai satu peraturan pelajaran** yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan **Bahasa kebangsaan sebagai Bahasa pengantar** yang besar, walaupun perkara ini tidak dapat dilaksanakan dengan serta-merta melainkan hendaklah **diperbuat dengan beransur-ansur** (para 12, hlm 3)

Sistem Pendidikan yang disyorkan dalam Penyata Razak telah diperakui oleh Penyata Rahman Talib (1960) dan harus dipertingkatkan. Kedua-dua Penyata ini menjadi asas bagi penggubalan Akta Pelajaran 1961. Hasrat dan tujuan pendidikan dinyatakan dalam Akta 1961 seperti berikut:

Bahawasanya dasar pelajaran spt yang diisytiharkan dalam Ordinan Pelajaran 1957 ialah untuk menubuhkan satu sistem pelajaran yang akan dapat memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politiknya.

Bahawasanya adalah difikirkan perlu bahawa setakat yang sejajar dengan dasar itu, dengan mengadakan pengajaran yang cekap dan dengan mengelakkan perbelanjaan awam yang tidak berpatutan, perhatian hendaklah diberi kepada prinsip bahawa murid-murid hendaklah dididik mengikut kemahuan-kemahuan ibu bapa mereka.

Dan bahawasanya peruntukan selanjut adalah dikehendaki untuk menentukan agar dasar tersebut dilaksanakan secara berkesan, termasuk, khususnya peruntukan bagi perkembangan yang progresif bagi suatu sistem pelajaran yang mana Bahasa Kebangsaan adalah menjadi Bahasa pengantar utama.

Bagi mencapai matlamat Akta Pelajaran 1961, pentadbiran sistem pendidikan kebangsaan telah diperkemaskan. Sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan, masing-masing Sekolah vernacular Inggeris, Cina dan Tamil telah diberikan nama Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Inggeris, SRJK Cina dan SRJK Tamil sementara Sekolah Melayu dinamakan sebagai Sekolah Kebangsaan. Kurikulum sekolah telah disesuaikan dengan keperluan negara dan tidak lagi berkiblatkan Britain, Tanah Besar Cina atau Benua India. Dengan semangat memupuk perpaduan rakyat menerusi Bahasa dan pendidikan, Penyata Rahman Talib mencadangkan supaya dihentikan sekolah menengah persendirian Cina dan sebaliknya menawarkan ia menjadi Sekolah Menengah Kebangsaan (sekolah conforming) berpengantar Bahasa Melayu dan diberi bantuan kewangan, guru dan sebagainya daripada kerajaan. Bagaimana pun 60 buah sekolah menengah persendirian Cina menolak pelawaan dan kekal dengan status tersebut hingga ke hari ini). Kemudahan pendidikan diperluaskan dan tempoh persekolahan dilanjutkan daripada enam tahun kepada 9 tahun. Sistem pendidikan komprehensif juga dilaksanakan. Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan disyorkan supaya diajar secara lebih serius di semua jenis sekolah rendah dan menengah.

Bagaimana pun peristiwa rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969 telah menjejaskan proses menyatupadukan rakyat. Punca kejadian ini adalah pelbagai, namun yang jelas adalah perasaan tidak puas hati rakyat terhadap peluang pendidikan tinggi yang hampir nil bagi kaum

pribumi yang mengikuti pengajian di sekolah rendah dan menengah kebangsaan. Semua institusi pendidikan tinggi – Universiti Malaya, Kolej Pertanian Serdang, Institut Teknologi Kebangsaan dan Institut Teknologi MARA masih menggunakan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa pengantar. Justeru, usaha kearah mewujudkan perpaduan rakyat menjadi semakin mendesak. Perpaduan kaum, kestabilan politik, kemajuan ekonomi dan sosial serta pembangunan insan amat penting untuk tujuan ini. Maka pada tahun 1970, Rukunegara telah digubal untuk (KPM 1992: 2)

- (i) mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakat;
- (ii) memelihara satu cara hidup demokratik;
- (iii) mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- (iv) menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak;
- (v) membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden

Lima prinsip Rukunegara dijadikan landasan untuk mencapai cita-cita tersebut:

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kesetiaan kepada raja dan negara
- Keluhuran perlembagaan
- Kedaulatan undang-undang
- Kesopanan dan kesusilaan

Pada tahun 1970 kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan mencapai perpaduan rakyat menerusi strategi serampang dua mata, iaitu,

- a) membasmi kemiskinan dengan meningkatkan pendapatan dan menambahkan peluang pekerjaan untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum,
- b) Mempercepatkan proses penyusunan masyarakat Malaysia untuk memperbaiki keadaan
keadaan ekonomi yang tidak seimbang, agar dapat mengurangkan dan akhirnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi (Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975: 1).

Banyak langkah yang telah diambil oleh Tun Abdul Razak selaku perdana menteri ketika itu khususnya dalam bidang pendidikan dan ekonomi bagi membantu golongan bumiputera seperti penubuhan UKM bagi menampung kelulusan sekolah kebangsaan, membuka pusat matrikulasi dan MARA mendirikan Maktab Rendah Sains MARA untuk menambah pelajar bumiputera dalam jurusan sains sebab jurang terbesar antara kaum adalah dalam bidang perubatan, kejuruteraan dan perakaunan.

Sejarah Penggubalan FPK

Mengambil kira perubahan dan penekanan dalam dasar-dasar kerajaan, pada tahun 1974 satu Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan untuk mengkaji pelaksanaan dasar pelajar kebangsaan. Tugas Jawatankuasa ini ialah menilai kejayaan sistem pelajaran bagi memenuhi “..matlamat

negara kearah melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih.” (KPM Laporan Jawatankuasa Kabinet 1984: 1). Jawatankuasa ini telah dipengerusikan oleh YB Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Pelajaran ketika itu. Laporan Jawatankuasa ini diisytiharkan pada tahun 1979.

Dalam perincian Laporan Jawatankuasa Kabinet (KPM 1984: 2 &3) tentang masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih, Laporan ini menyatakan bahawa masyarakat yang di maksudkan tersebut mempunyai ciri-ciri

- (a) keazaman, kesanggupan dan kesediaan untuk hidup bersama dengan rukun dan damai serta mempunyai kesedaran, keperibadian dan nilai-nilai sebagai rakyat Malaysia;
- (b) menghormati dan mematuhi undang-undang serta peraturan, menghormati hak-hak individu, mengamalkan tingkah laku yang baik dan tidak menjejaskan kepentingan orang lain, mempunyai semangat untuk memperbaiki keadaan secara membina dan bersedia berkhidmat untuk negara.
- (c) mendapat pendidikan dan latihan supaya boleh bergiat serta membangun negara

Laporan (KPM 1984) ini mengemukakan beberapa cadangan untuk meningkatkan mutu pendidikan and budaya ilmu pengetahuan. Ia menekankan supaya seluruh kurikulum pendidikan peringkat sekolah rendah dan menengah disemak semula, diubahsuai dan diselaraskan dengan matlamat pendidikan negara. Ia memperakukan bahawa pendidikan sekolah rendah hendaklah :

...bercorak pendidikan asas dengan memberi penegasan kepada kemahiran 3M (membaca, menulis dan mengira (para 2a hal 229)

... berkemampuan untuk memenuhi kehendak pendidikan bagi perkembangan individu yang menyeluruh ... dan perkembangan bakat kanak-kanak. (para 55, hal 242)

Bagi peringkat sekolah menengah rendah, Laporan menegaskan supaya kurikulum pendidikan “memperkukuhkan pendidikan asas dan memperkenalkan pendidikan umum yang merangkumi aspek-aspek pendidikan pravokasional (para 58 hal. 243)

Bagi peringkat sekolah menengah atas pula, Laporan Kabinet memperakukan supaya “penjurusan kepada sastera, sains dan teknik di peringkat tersebut dimansuhkan. Muris-murid di peringkat ini hendaklah terus diberi pendidikan umum. Namun begitu, Sekolah Menengah Vokasional hendaklah di teruskan (para 68.1 hal. 37).

Pada akhir Laporan itu Jawatankuasa Kabinet menekankan tentang pentingnya pendidikan sebagai proses pembinaan keperibadian insan yang seimbang. Hal ini dinyatakan seperti berikut:

Untuk kepentingan pembinaan pembangunan negara tenaga rakyat yang diperlukan bukan sahaja perlu dilihat dari segi bilangan, jenis pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki bahkan perlu dilihat dari segi nilai-nilai disiplin yang perlu diterima. Dari segi sikap, mereka perlu jujur and dedikasi terhadap kerja. Mereka bukan sahaja perlu cekap bahkan perlu boleh berfikir dan bertindak dengan baik sama ada secara sendiri mahupun secara beramai-rami dengan berpandukan kepada punca-punca akhlak yang mulia. Tegasnya individu yang dilahirkan dari

sistem persekolahan negara perlu selaras dengan tujuan pembangunan kemanusiaan. (KPM Laporan Jawatankuasa Kabinet 1984, para 452: hlm 227).

Hasil daripada Laporan Jawatankuasa Kabinet, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah di gubal dan dilaksanakan pada tahun 1982 dan bagi kesinambungan, KBSM diperkenalkan pada tahun 1988. KBSR memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran asas 3M, iaitu membaca, menulis dan mengira, dan komunikasi; mengenali hubungan alam dan manusia; dan penerapan nilai-nilai murni menerusi Pendidikan Moral yang diperkenalkan menggantikan pendidikan sivik dan penambahan waktu untuk Pendidikan Islam. Sebagai kesinambungan bagi KSSR, Kurikulum Baru Sekolah Menengah seharusnya dilaksanakan pada tahun 1988. Bagaimanapun atas factor-faktor dari dalam dan luar negara, Falsafah Pendidikan Negara (FPN) telah dirumuskan pada tahun 1987 dan ia menyatakan secara tersurat bahawa:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

(<https://moe.gov.my/index.php/my/dasar/falsafah-pendidikan-kebangsaan>)

Berdasarkan pernyataan FPN, matlamat pendidikan negara bolehlah dinyatakan secara ringkas sebagai usaha untuk melahirkan warganegara yang mempunyai sahsiah yang baik, seimbang dan sepadu dari segi intelek, rohani emosi, dan jasmani, dan melahirkan warganegara yang:

1. Percaya dan patuh kepada Tuhan,
2. Berilmu pengetahuan dan berfikiran kreatif dan rasional
3. Berakhlak mulia;
4. Berketerampilan
5. Berkeupayaan memberi sumbangan kearah menambah kemakmuran masyarakat dan negara.

Jelaslah bahawa pendidikan negara bukan sahaja untuk perpaduan negara atau pengeluaran tenaga manusia yang mahir dan berketrampilan, tetapi lebih mustahak lagi adalah pembentukan peribadi kemanusiaan. Justeru buat pertama kalinya nilai moral dan etika dijulung sebagai sangat penting dalam pembangunan ekonomi dalam negara.

Kesan daripada FPN, Kurikulum **Baru** Sekolah Menengah yang dijangka dilaksanakan pada tahun 1988 sebagai kesinambungan daripada KBSR telah diubah kepada Kurikulum **Bersepadu** Sekolah Menengah (KBSM) yang telah dirancang dan dilaksanakan bagi menyahut cabaran melahirkan anak Malaysia yang mempunyai keperibadian kemanusiaan di samping mahir dan berketrampilan untuk mendokong tugas memajukan negara. KBSM mempunyai ciri-cirinya tersendiri iaitu tujuh prinsip:

1. Kesinambungan pendidikan antara sekolah rendah dan menengah;

2. Pendidikan umum untuk semua pelajar;
3. Disiplin subjek;
4. Kesepaduan aspek intelek, rohaniyah, emosi dan fizikal;
5. Penekanan kepada nilai-nilai murni, supaya merentasi kurikulum;;
6. Memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu supaya menjadi Bahasa semua ;
7. Pendidikan sepanjang hayat.

Kepentingan FPK dan matlamatnya

FPK mempunyai peranan yang penting dalam perkembangan pendidikan asas di Malaysia pada peringkat permulaan pada tahun 1982 ketika Tun Mahathir menjadi Perdana Menteri ke-empat. Era akhir 1970an dan 1980an adalah era kebangkitan Islam di seluruh dunia Islam termasuk Malaysia yang bermula dengan revolusi Islam di Iran. Pada ketika era inilah ramai cendekiawan dan juga professional menimbulkan pertanyaan tentang kepincangan pendidikan berdasarkan kebobrokan nilai murid yang jelas kelihatan dari peningkatan kes-kes disiplin, ponteng, penularan dadah dan pornografi. Pada tahun 1980an apabila globalisasi mula menunjukkan wajahnya proses pengswastaan syarikat awam seperti Telekom Malaysia pun bermula. Fakulti Pengajian Islam mengadakan satu siri seminar (1972, 1976, 1984 dan 1987) membentangkan kepincangan sistem pendidikan Islam dan mengutarakan cara-cara untuk mengatasinya (Rosnani, 2011). Kesedaran umat Islam di Malaysia menimbulkan dilemma dalam penyekolahkan anak mereka di antara sekolah agama dan sekolah kebangsaan yang kedua-duanya tidak seimbang yang mana sekolah agama Cuma memberi ilmu agama sementara sekolah kebangsaan memberi ilmu aqliyyah tanpa menekankan nilai dan aqidah. Murid-murid hanya diberi teori tanpa amalannya. Justeru wujud scenario murid tahu tentang solat tetapi tidak mengerjakannya. Pada waktu yang sama satu Persidangan Sedunia Pertama tentang Pendidikan Umat Islam pula berlangsung di Makkah pada tahun 1977. Kecelaruhan yang sedemikian, sudah tentu menggamit pihak yang prihatin untuk melakukan sesuatu. Akhirnya, termaktublah FPK yang memberi perhatian berat terhadap pendidikan bersepadu antara ilmu aqli and naqli, antara teori dan praktis, antara nilai dan perpaduan.

Berdasarkan peristiwa-peristiwa seperti tersebut di atas, maka FPK dirangka untuk membantu membimbing pendidikan negara mencapai apa yang telah dilakarkan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet pada tahun 1979 dan secara berkesinambungan dengan Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang dilaksanakan pada tahun 1983. FPK telah membantu mengukuhkan pendidikan di Malaysia dalam beberapa aspek. Pertama, FPK menjelaskan matlamat pendidikan di Malaysia bagi melahirkan insan yang sepadu dalam ertikata sepadu ilmunya – aqli dan naqli, sepadu ilmu dan amal atau teori dan amalan; dan sebagainya. Kedua, FPK dapat menyahkan fahaman sekularisme yang menebal dalam sistem pendidikan Malaysia yang diwarisi daripada Inggeris sejak abad ke lapan belas lagi. Ini terlaksana dengan menyatakan bahawa FPK mendokong rakyat Malaysia yang mempunyai prinsip kepercayaan kepada Tuhan atau agama. Ketiga, FPK lantas menyedarkan para pendidik dan murid tentang kepentingan nilai-nilai murni dalam berinteraksi sesama rakyat negara ini yang terdiri daripada pelbagai kaum khususnya saling toleransi dan hormat menghormati. Keempat, bagi memudahkan komunikasi antara rakyat berbilang kaum, FPK memperkasakan penggunaan Bahasa Melayu merentasi kurikulum di semua sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan. Kelima, FPK meluaskan skop ilmu yang diajar supaya murid berfikiran kreatif dan rasional. Ini juga boleh meluaskan skop kerjaya mereka tanpa mengira jurusan pembelajaran. Keenam,

FPK turut membantu melahirkan golongan professional yang berketerampilan dan lebih penting lagi berintegriti.

FPK dan Pendidikan Tinggi

Adalah jelas sekali bahawa FPK hanya telah diberi perhatian oleh sistem pendidikan asas iaitu rendah dan menengah. Bagaimana pun FPK tidak di'pedulikan' di IPT kedua-dua awam dan swasta. Buktinya, apabila FPK diterima oleh pihak Kementerian Pendidikan maka ia disusuli dengan perubahan kurikulum daripada Kurikulum Lama Sekolah Menengah kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Tetapi perkara ini tidak berlaku di IPT disebabkan setiap IPT mempunyai visi dan misi masing-masing. Ini bermakna tidak ada kesinambungan antara pendidikan asas dan pendidikan tinggi. Pendidikan tinggi di Malaysia hari ini semakin lama semakin lebih memberi perhatian kepada pembinaan sumber manusia sebagai modal industri, iaitu berganjak daripada *human development* kepada *human capital development*. Yang dibangunkan adalah daya kreativiti dan akal manusia tanpa membina kemanusiaannya. Perubahan matlamat pendidikan tinggi ini bukan sahaja terbatas di Malaysia. Malahan hala tuju pendidikan di seluruh dunia sedang mengalami perubahan akibat daripada globalisasi dan kesannya dapat dilihat dalam liberalisasi ekonomi, pengantarabangsaan, penguasaan Bahasa Inggeris dan pengujian dan ranking di peringkat antarabangsa. Ini membuka ruang dan peluang untuk kefahaman neoliberal bertapak serta berpengaruh dengan lebih luas dalam segala bidang. Kini kualiti dan kecemerlangan pendidikan diukur menggunakan petunjuk prestasi dalam domain pengajaran, penerbitan, penyelidikan dan antarabangsa yang kemudian diiktiraf oleh agensi-agensi penarafan antarabangsa yang tertentu, termasuk mereka yang berkepentingan komersil untuk mengaut keuntungan. Sistem penarafan (*ranking*) antarabangsa sebagai kerangka percaturannya yang kini mengikat banyak universiti termasuk di Malaysia sendiri. Akibatnya, universiti hari ini tertumpu pada meningkatkan kedudukannya dalam penarafan tertentu (yang nilai akademik diragukan) dan ketersebaran namanya yang bermaksud seolah-olah kuantiti serta mutu penerbitan dan geran penyelidikan menjadi sasaran mutlak mengatasi aktiviti utamanya iaitu pendidikan (termasuk pengajaran dan pembelajaran serta perkhidmatan masyarakat setempat) yang sewajarnya menggerakkan kesedaran intelektual dan tanggungjawab universiti terhadap umat manusia. Universiti kita kini ketandusan ruhnya walhal jika diteliti matlamat atau visi dan misi IPT tersebut kita akan dapati bahawa semuanya mempunyai penekanan kepada nilai kemanusiaan. Umpamanya Falsafah, visi dan misi UKM adalah:

Falsafah

Paduan antara iman kepada Allah dengan ilmu yang bermanfaat serta gabungan antara teori dengan amal adalah dasar utama bagi perkembangan ilmu, proses pembinaan masyarakat terpelajar dan pembangunan Universiti.

Visi

UKM bertekad menjadi Universiti terkehadapan yang mendahului langkah masyarakat dan zamannya bagi membentuk masyarakat dinamik, berilmu dan berakhlak mulia.

Misi

Menjadi Universiti terpilih yang memartabatkan bahasa Melayu serta mensejagatkan ilmu beracuan budaya kebangsaan.

Visi dan misi Universiti Malaya adalah:

Visi

To be an internationally renowned institution of higher learning in research, innovation, publication and teaching.

Misi

To advance knowledge and learning through quality research and education for the nation and for humanity.

Falsafah UIAM pula menekankan usaha menuntut ilmu sebagai ibadah dan ilmu yang tertinggi adalah yang memandu kepada pengiktirafan Allah SWT sebagai Pencipta Mutlak. Lebih jelas lagi,:

Falsafah UIAM adalah berasaskan kepercayaan kepada menuntut ilmu merupakan satu 'ibādah yang berterusan dan amanah yang diwajibkan oleh Allah (SWT) ke atas manusia. Ilmu yang peroleh seharusnya memandu manusia kepada pengiktirafan Allah (SWT) sebagai Pencipta Mutlak dan Tuhan Semesta Alam. Pengiktirafan secara menyeluruh dan tanpa kompromi terhadap Allah (SWT) sebagai “Tuhan yang menguasai Alam (Rabb al- ālamīn) adalah taraf tertinggi dalam hierarki ilmu”. Falsafah ini adalah berdasarkan kepada lima ayat pertama Sūrat al-‘Alaq, surah ke 96 di dalam Al-Qur’an dan dimasukkan ke dalam Perlembagaan UIAM.

Dalam kontek ini, memang FPK amat relevan untuk diaplikasikan juga di peringkat IPT untuk mengembalikan semula ruh pendidikan yang semakin tandus di peringkat IPT seperti mana Lewis (2006) menghuraikan bagaimana Universiti Harvard, universiti tertua di Amerika Syarikat mencapai keunggulan tanpa ruh iaitu telah melupai maksud pendidikan dalam ertikata sebenarnya. Lewis mendedahkan bagaimana pelajar dibiarkan tanpa pendidikan untuk menjadi manusia kerana pensyarah-pensyarah semuanya sibuk dengan penyelidikan dan usaha pengkomersilan hasil kajian mereka. Kerana Harvard sebuah universiti yang tertua dan terunggul masa kini, pendekatannya telah mempengaruhi hampir semua universiti di Amerika dan juga di luar negara yang ingin mencapai penarafan terbaik. Kita memang mahu maju dan memimpin dunia dalam dunia keilmuan, tetapi biarlah dengan integriti dan mengutamakan pembinaan kemanusiaan.

Rujukan

- Federation of Malaya. Report of the Education Committee 1956. Dato’ Abdul Razak bin Hussain, Chairman. Kuala Lumpur: Government Press
- Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975, Kuala Lumpur: Government Press.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1984). *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979*, Ed ke-4, Mahathir Mohamad, Pengerusi. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1991). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: KPM
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1992). *Pukul Latihan KBSM: Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: KPM.

- Ministry of Education, Curriculum Development Centre (1989). *The Integrated Curriculum for Secondary School (ICSS)*. Kuala Lumpur: Ministry of Education.
- Lewis, H. R. (2006). *Excellence Without a Soul: How a Great University Forgot Education*. New York: Public Affairs.
- Rosnani, Hashim. (2011) *Educational Dualism in Malaysia: Implications for theory and practice* 2d Ed, reprint. Kuala Lumpur: The Other Press.